

**PERATURAN PERTANDINGAN MEMANAH
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI DAN WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **undang-undang World Archery (WA)** serta **Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang dalam bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputus berdasarkan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berdasarkan kepada **undang-undang World Archery Federation (WA)** dan **Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia**.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Penguru Pasukan : **12 Oktober 2025**
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada : **12 hingga 16 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Padang Bola Sepak MRSM, Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah penuh di Negeri Sabah.
- 4.2 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita yang terdiri daripada:

Jawatan	Recurve		Compound	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Pengurus pasukan	1 orang	-	-	-
Jurulatih	1 orang	1 orang	1 orang	1 orang
Peserta	4 orang	4 orang	4 orang	4 orang
Jumlah	6 orang	5 orang	5 orang	5 orang

- 4.3 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan satu (1) nama bagi acara individu dan tiga (3) nama bagi acara berpasukan.
- 4.4 Bagi kontinjen yang tidak berkemampuan untuk menghantar pasukan (kurang dari 4 peserta) boleh mengambil bahagian untuk menyertai acara individu.

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 2005 hingga 2013 (12 hingga 20 Tahun) sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Pendaftaran peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am 4.8 dan 4.9**.
- 5.5 **Jurulatih Memanah setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN.

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan pada hari latihan rasmi (*Official Training*).
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan kad pengenalan untuk disahkan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Acara yang akan dipertandingkan ialah WA (72 Arrows) diikuti dengan Pusingan Olimpik (*Olympic round- Individu, Berpasukan dan berpasukan Campuran*) dalam jangka masa lima (5) hari termasuk hari latihan rasmi (*sighters day*) yang diadakan satu (1) hari sebelum hari pertama dijalankan. Acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut :-

7.1.1 Kategori Recurve:

Bil	Acara	Kategori		Jarak
1	Qualification Round (Set 1/ Set 2)	Recurve Lelaki (RM)	Recurve Wanita (RW)	70 Meter
2	Perseorangan (Pusingan Olimpik)	Recurve Lelaki (RM)	Recurve Wanita (RW)	70 Meter
3	Berpasukan (Pusingan Olimpik)	Recurve Lelaki (RM)	Recurve Wanita (RW)	70 Meter

7.1.2 Kategori Compound:

Bil	Acara	Kategori		Jarak
1	Qualification Round (Set 1/ Set 2)	Compound Lelaki (CM)	Compound Wanita (CW)	50 Meter
2	Perseorangan (Pusingan Olimpik)	Compound Lelaki (CM)	Compound Wanita (CW)	50 Meter
3	Berpasukan (Pusingan Olimpik)	Compound Lelaki (CM)	Compound Wanita (CW)	50 Meter

7.1.3 Berpasukan Campuran Recurve/Compound:

Bil	Acara	Kategori
1	Acara jarak 70 m	Recurve
2	Acara jarak 50 m	Compound

- 7.2 Pemenang bagi setiap jarak akan ditentukan daripada mereka yang telah memungut jumlah mata terbanyak pada jarak-jarak yang dipertandingkan.
- 7.3 Pemenang keseluruhan akan ditentukan daripada jumlah mata/pingat-pingat terbanyak pada jarak-jarak yang dipertandingkan.

8.0 JADUAL PERTANDINGKAN

8.1	Hari Pertama	<i>Sighters / Registration/ Managers Meeting / Tackle Inspection</i>	Recurve/ compound
8.2	Hari Kedua	Pertandingan jarak	Recurve/ compound
		Pagi - 50m (CM), 50m (CW) (Set 1 & Set 2)	
8.3	Hari Ketiga	Petang - 70m (RM), 70m (RW) (Set 1 & Set 2)	Recurve/ compound
		Pertandingan berpasukan Campuran Pagi CM, CW 50 meter RM, RW 70 meter (Bronze & Gold Matches – Hari Kelima)	
8.4	Hari Keempat	Pertandingan Petang RM, RW 70 Meter CM, CW 70 Meter (Bronze & Gold Matches – Hari Kelima)	Recurve/ compound
		Pertandingan Olimpik Individu Pagi – CM, CW 70 meter Petang – RM, RW 70 meter	
8.5	Hari Kelima	Bronze & Gold Medal Matches – Alternate Shooting - Bronze Compound Men Team - Gold Compound Men Team - Bronze Compound Women Team - Gold Compound Men Team - Bronze Compound Mix Team - Gold Compound Mix Team - Bronze Recurve Mix Team - Gold Recurve Mix Team - Bronze Compound Men OR - Gold Compound Men OR - Bronze Compound Women OR - Gold Compound Women OR - Bronze Recurve Women OR - Gold Recurve Women OR - Bronze Recurve Men OR - Gold Recurve Men OR	Recurve/ compound

9.0 MASA MELAPORKAN DIRI

- 9.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (*Chief Judge*) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (*Tackle Inspection*) pada hari latihan rasmi/hari pertama kejohanan.

10.0 PENGADIL (HAKIM/PEGAWAI PERTANDINGAN)

- 10.1 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan persatuan sukan Negeri tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 14.0**.

11.0 BANTAHAN

- 11.1 Setiap pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00** tunai.
- 11.2 Wang pertaruhan akan lopus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Juri Rayuan dalam masa tiga puluh **(30) minit** selepas pertandingan itu tamat.

12.0 JURI RAYUAN

- 12.1 Mereka tidak secara langsung terlibat dalam organisasi pertandingan memanah yang sedang berlangsung.
- 12.2 Seorang daripadanya perlu memiliki sekurang-kurangnya **Sijil Kehakiman Memanah Kebangsaan**.
- 12.3 Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dengan persetujuan Majlis Sukan Negeri dan Persatuan Memanah Negeri Sabah bertanggungjawab menamakan tiga (3) orang ahli-ahli juri.
- 12.4 Jawatankuasa Bantahan berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 12.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Juri Rayuan Pertandingan Memanah Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

13.0 HADIAH-HADIAH

13.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

13.1.1 Kategori Lelaki:

Bil	Acara	Kategori Recurve			Kategori Compound		
		Emas	Perak	Gangsa	Emas	Perak	Gangsa
1	Acara jarak 70m (keseluruhan)	1	1	1	0	0	0
2	Acara jarak 50m (Keseluruhan)	0	0	0	1	1	1
3	Perseorangan (Pusingan Olimpik)	1	1	1	1	1	1
4	Berpasukan (Pusingan Olimpik)	1 (4)	1 (4)	1 (4)	1 (4)	1 (4)	1 (4)
Jumlah		3 (6)	3 (6)	3 (6)	3 (6)	3 (6)	3 (6)

13.1.2 Kategori Wanita:

Bil	Acara	Kategori Recurve			Kategori Compound		
		Emas	Perak	Gangsa	Emas	Perak	Gangsa
1	Acara jarak 70m (keseluruhan)	1	1	1	0	0	0
2	Acara jarak 50m (Keseluruhan)	0	0	0	1	1	1
3	Perseorangan (Pusingan Olimpik)	1	1	1	1	1	1
4	Berpasukan (Pusingan Olimpik)	1 (4)	1 (4)	1 (4)	1 (4)	1 (4)	1 (4)
Jumlah		3 (6)	3 (6)	3 (6)	3 (6)	3 (6)	3 (6)

13.1.3 Kategori Wanita/Lelaki - Berpasukan Campuran

Bil	Acara	Kategori Recurve			Kategori Compound		
		Emas	Perak	Gangsa	Emas	Perak	Gangsa
1	Acara jarak 70m	1(2)	1(2)	1(2)	0	0	0
2	Acara jarak 50m	0	0	0	1(2)	1(2)	1(2)
	Jumlah	1 (2)	1 (2)	1 (2)	1 (2)	1 (2)	1 (2)

13.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap Perkara 14.3**